

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : **19 MEI 2016 (KHAMIS)**

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa barisan hakim Mahkamah Persekutuan tidak mencerminkan kepelbagaian budaya di Malaysia, yakni tiada seorang pun hakim bukan Bumiputera, hanya seorang sahaja hakim bukan muslim, serta hanya tiga orang hakim wanita.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Keanggotaan hakim mengikut kepelbagaian bangsa dan jantina perlu dilihat secara keseluruhan meliputi semua peringkat iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi.
2. Kedudukan keanggotaan hakim di semua peringkat mahkamah tersebut pada 30 April 2016 adalah seramai 95 orang. Dari jumlah tersebut, 63 orang berbangsa Melayu, 8 orang Bumiputra Sabah dan Sarawak, 15 orang berbangsa Cina, 8 orang berbangsa India serta seorang lain-lain bangsa.
3. Pada masa ini, bilangan hakim wanita di semua peringkat mahkamah adalah seramai 40 orang iaitu 42.1 peratus daripada seluruh keanggotaan hakim.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan hakim-hakim oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman berasaskan kriteria pemilihan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B TUAN V. SIVAKUMAR
TARIKH : 19.5.2016
SOALAN : NO. 100

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kaedah kawalan kursus dan yuran yang dikenakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta. Adakah pendidikan swasta di negara kita menepati nilai-nilai piawaian yang ditetapkan dan setaraf dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penawaran program di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) perlu mendapat kelulusan Ketua Pendaftar, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan perakuan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Ini merupakan keperluan Kementerian bagi IPTS memperbaharui kelulusan program. Penilaian tersebut menggunakan standard yang ditetapkan di dalam Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA) yang menilai sembilan bidang penilaian bagi jaminan kualiti. Program yang telah mendapat perakuan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh akan dipantau kualitinya menggunakan standard Kod Amalan Akreditasi Program. Seterusnya, program yang mendapat perakuan Akreditasi Penuh akan melalui audit pematuhan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun.

Kelulusan yuran pula berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh IPTS mengikut jenis program, infrastruktur, kemudahan untuk pengajaran dan pembelajaran, bidang dan jenis pengajian serta mengikut pasaran semasa. Berdasarkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555), IPTS yang melanggar yuran yang ditetapkan adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan denda RM50 ribu atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

Bagi meningkatkan kualiti program, KPT melalui MQA membangunkan kurikulum berasaskan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*). Setiap program yang ditawarkan di Universiti Awam dan IPTS perlu mengambil kira lapan (8) domain hasil pembelajaran dalam MQF iaitu pengetahuan; kemahiran praktikal; kemahiran dan tanggungjawab sosial; nilai, sikap dan profesionalisme; kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan; kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik; kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan kemahiran mengurus dan keusahawanan. Selain itu, penyediaan Standard Program untuk semua bidang disiplin perlu memenuhi keperluan minimum dalam reka bentuk program yang telah mendapat input daripada pakar akademik dan industri.

Dokumen Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum boleh dijadikan sebagai panduan komprehensif kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi proses penyediaan kurikulum. Pelaksanaan garis panduan amalan baik ini mampu menyokong IPT dalam menyediakan program yang berkualiti dan seterusnya dapat membantu untuk memenuhi keperluan penilaian akreditasi dari MQA.